



جَاتِنْ حَاکِمَ شَرِيفَةَ مَالِيْسِيَا

KETUA PENGARAH /KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Aras 2,3 & 4, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 4800

03-8886 4888

Faks : 03-8889 1621

email : ibrahim@esyariah.gov.my
Laman Web : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4(16)
Tarikh : 7 Rabiulawwal 1436H/
29 Disember 2014

**YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri**

**Arahan Amalan No.5 Tahun 2014
Proses Wakalah Peguam Syarie Bagi Pihak-Pihak Yang Berada Di Luar Negeri
Atau Luar Negara Atau Dalam Keadaan-keadaan Tertentu**

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Tahun 2014 pada 3 hingga 4 Muharam 1436H bersamaan 27 hingga 29 Oktober 2014 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung prosedur pentadbiran wakalah/afidavit melalui sidang video atau apa-apa aplikasi lain yang dibenarkan di Mahkamah Syariah boleh dilaksanakan oleh Peguam Syarie sekiranya anakguam berada di luar negeri atau berada di luar negara.

2. Prosedur tersebut adalah sebagaimana berikut :

- 2.1 Peguam/pihak-pihak hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis dalam tempoh 7 hari kepada mana-mana Pendaftar untuk mendapatkan kebenaran terlebih dahulu. Tarikh dan masa untuk pentadbiran wakalah dan afidavit yang dicadangkan hendaklah dinyatakan;

- 2.2 Apabila kebenaran telah diperoleh, peguam/pihak-pihak hendaklah memastikan dokumen telah lengkap dan telah ditandatangani sendiri oleh anak guam/individu yang akan mengikrarkan wakalah/afidavit berkenaan;
 - 2.3 Pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan, prosedur pentadbiran wakalah/afidavit boleh dibuat di hadapan hakim atau pendaftar atau mana-mana orang yang diberi tauliah sebagai hakim atau pendaftar;
 - 2.4 Segala kemudahan dan kelengkapan untuk tujuan sidang video atau panggilan telefon atau aplikasi lain yang dibenarkan hendaklah disediakan oleh pihak peguam/pihak-pihak sendiri.
3. Wakalah pihak-pihak yang disempurnakan di Mahkamah sesebuah negeri boleh digunakan di negeri yang lain setelah diendorskan secara perintah bersaling oleh Mahkamah negeri tersebut.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa mulai 31 Disember 2014.



(TAN SRI DR IBRAHIM LEMBUT)